



---

## LAPORAN HARIAN STATUS KEJADIAN RABIES DI SARAWAK

**09 Disember 2017**

1. DVS Sarawak telah menerima aduan dari KKM berkaitan kejadian kes rabies pada 30 Jun 2017 di mana 3 kes disahkan pada manusia di Serian Sarawak (1 kes di Kg Lebor dan 2 kes di Kg Paon Rimau Bakung).
2. Terdapat penemuan 2 kes rabies positif baharu dikesan oleh pihak VRI, Ipoh. Jumlah keseluruhan kes positif sebanyak 58 kes dari 286 sampel yang telah diuji. Ini melibatkan lokasi kes positif sebanyak 27 kampung dari 4 Bahagian di Sarawak iaitu Serian, Sri Aman dan Kuching dan Samarahan.
3. Status terkini tindakan dan aktiviti DVS sehingga **08 Disember 2017** adalah sebagaimana berikut:
  - a. Aktiviti pemantauan pasif dan aktif pada haiwan telah dilakukan dalam lingkungan 10km dari lokasi yang disahkan rabies dengan sebanyak 15 ekor anjing telah diperiksa.
  - b. Aktiviti pemvaksinan telah dijalankan di dalam 10km radius dari lokasi yang telah disahkan rabies dengan sebanyak 15 ekor anjing telah divaksin.
  - c. Sebanyak 25 ekor anjing telah dimusnahkan dalam operasi pemusnahan yang dijalankan di dalam 10km radius dari lokasi yang disahkan rabies.
  - d. Tiada aktiviti kempen kesedaran dijalankan di dalam 10 km radius dari kawasan yang telah disahkan rabies.
4. Secara keseluruhan sehingga **08 Disember 2017**
  - a. Pemantauan pasif dan aktif di dalam lingkungan 10km radius dari lokasi yang disahkan rabies dengan bilangan sebanyak 49,079 ekor haiwan (38,797 ekor anjing dan 10,282 ekor kucing) telah diperiksa.
  - b. Jumlah haiwan yang telah divaksin dalam operasi pemvaksinan sebanyak 41,959 ekor (34,055 ekor anjing dan 7,904 ekor kucing).

- c. Jumlah haiwan yang telah dimusnah dalam operasi pemusnahan adalah sebanyak 1,408 ekor anjing dan 44 ekor kucing (disyaki Rabies).
  - d. Jumlah penyertaan dalam kempen kesedaran awam rabies adalah kekal sebanyak 36,937 orang penduduk.
5. Sehingga kini Kerajaan Negeri Sarawak telah mengisytiharkan sebanyak 27 kawasan jangkitan wabak rabies iaitu 21 kawasan di Bahagian Serian, 1 kawasan di Bahagian Sri Aman, 4 kawasan di Bahagian Kuching dan 1 kawasan di Bahagian Samarahan telah diwartakan sebagai kawasan jangkitan.
6. Seramai 50 orang petugas DVS telah digerakkan untuk tindakan aktiviti kawalan rabies.
7. Jumlah keseluruhan sebanyak 296 sampel kepala haiwan (anjing dan kucing) yang disyaki rabies telah diambil dan diuji oleh VRI.

**Disediakan:**

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia.**

**09 Disember 2017.**